

Done by  
Sewen Man.

Ucapan Y.B. Dr. Mahathir bin Mohamad,  
Menteri Pelajaran, diupacara meresmikan  
pembukaan Sekolah Menengah Datuk Abdullah  
Astana Raja, Kota, Negeri Sembilan,  
pada 14.11.74 jam 9.30 pagi



Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah ini, guru-besar, guru-guru, murid-murid dan ibubapa sekalian kerana sudi menjemput saya meresmikan Sekolah Menengah Datuk Abdullah ini pada pagi ini. Ini merupakan upacara resmi yang pertama, untuk saya lakukan di Negeri Sembilan dan sesungguhnya saya merasa amat sukacita dapat peluang keemasan ini.

2. Tuan-tuan dan saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa setelah negara kita mencapai kemerdekaan 16 tahun yang lalu perubahan dalam semua bidang, khususnya, pelajaran, telah berlaku dengan pesat, dan proses perubahan ini masih lagi berlaku dan akan berjalan terus sehingga tercapai matlamat negara iaitu pembentukan sebuah negara yang aman dan makmur di mana rakyatnya hidup bersatu-padu sebagai satu bangsa yang mengamalkan prinsip dan rukun hidup yang berdisiplin dan berakhlak yang tinggi sejajar dengan semangat dan kehendak-kehendak Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru yang telah sama-sama kita terima.

3. Mengikut sejarah sekolah ini, ia telah ditubuhkan dalam tahun 1957 dengan satu kelas, dan sekarang telah menjadi sebuah sekolah yang besar di kawasan ini, mempunyai 866 orang murid di dalam 24 aliran pengantar Bahasa Malaysia dan Inggeris. Kita juga telah diberitahu baha ramai murid-murid dari sekolah ini telah berjaya menyambung pelajaran mereka di institusi-institusi pelajaran yang lebih tinggi, dan yang lainnya telah memasuki bidang pekerjaan. Pada hari ini juga saya akan meresmikan sekolah ini dan ini menunjukkan murid-murid disini telah berbaik mendapat bangunan sekolah yang mengandungi bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain yang lebih sempurna.

4. Tuan-tuan ibubapa sekalian sudah tentu berasa bangga dan syukur kerana Kerajaan telah memberi kemudahan-kemudahan ini. Ini merupakan satu contoh sahaja tentang usaha-usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf pelajaran anak-anak kita di negara ini. Di Negeri Sembilan ini dalam tahun 1974, Kerajaan akan berbelanja \$5.2 juta untuk projek-projek pembangunan pelajaran, dan dalam tahun 1975 akan datang sebanyak hampir \$4 juta akan dibelanjakan. Dalam tahun hadapan juga 4 buah sekolah menengah sedang dirancang. Projek-projek seumpama ini bertujuan supaya murid-murid kita terutama dari kawasan-kawasan luarbandar tidak tercicir tetapi berpeluang mengikuti pelajaran sekurang-kurangnya selama 9 tahun dari Darjah I hingga ke Tingkatan III. Supaya murid-murid dari keluarga yang miskin tidak tercicir dalam lapangan pelajaran Kerajaan telah memberi bantuan buku-buku teks secara pinjaman percuma mulai tahun ini dan sistem pinjaman percuma buku-buku teks ini akan diperluaskan lagi pada tahun hadapan dan Kerajaan akan berbelanja \$62 juta untuk rancangan ini.

5. Sebagaimana diketahui peruntukan untuk pelajaran adalah di antar yang paling besar di dalam belanjawan negara tiap-tiap tahun. Untuk tahun 1975 pelajaran telah mendapat peruntukan sebanyak \$1,287 juta. Sungguhpun negara sedang menghadapi suasana inflasi Kerajaan akan terus dengan usaha-usaha pembangunannya seperti yang dirancang. Sungguhpun demikian kita hendaklah berhati-hati dalam usaha-usaha membiayai pelajaran supaya segala yang dibelanjakan tidak menjadi sia-sia bahkan setiap sen yang dibelanjakan itu memberi hasil yang sepenuhnya. Dalam keadaan inflasi sekarang guru-guru besar hendaklah meneliti perbelanjaan sekolah masing-masing supaya wang hanya dibelanjakan mengikut keperluan, dan mengelakkan perbelanjaan yang tidak perlu. Sambutan perayaan di sekolah sekolah secara besar-besaran patut diawasi, dan dengan demikian beban-beban sekolah dan ibubapa dapat dikurangkan. Gerakan kooperatif pelajar perlu digalakkan supaya murid-murid dapat didedahkan kepada konsep bersyarikat kerjasama, dan dengan cara demikian juga usaha-usaha menjimatkan perbelanjaan dapat diadakan. Sekiranya sekolah ini belum menubuhkan syarikat kerjasama pelajar, saya menasihatkan guru-guru dan ibubapa cuba memikirkan penubuhannya.

6. Untuk kita mencapai cita-cita ini guru-guru, ibubapa dan murid-murid hendaklah sama-sama menyedari hakikat ini, dan hendaklah bersama-sama dengan penuh ikhlas dan keazaman menjayakan rancangan-rancangan pelajaran. Ibubapa dan guru-guru hendaklah sentiasa membuat penilaian tentang segala usaha mereka bagi memajukan pelajaran. Ibubapa hendak sentiasa menilai diri mereka sejauh manakah mereka telah berusaha merikan anak-anak mereka dalam pelajaran waktu di rumah dan di sekolah dan

sejauh manakah anak-anak mereka telah diberi pimpinan untuk mempunyai nilai-nilai hidup dan akhlak yang tinggi sesuai dengan cita-cita Kerajaan hendak mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih. Demikian juga guru-guru diminta membuat penilaian yang sama.

7. Dalam proses negara bergerak dan berubah menjadi lebih maju dan moden, kita berhadapan dengan berbagai masalah sosial yang muncul dari proses perbandaran dan perindustrian yang pesat berlaku. Perkembangan ini tidak seharusnya menakutkan kita, bahkan hendaklah dianggap sebagai satu cabaran dan menguatkan lagi tekad kita untuk menyusun rancangan secara lebih rapi untuk kita boleh menikmati hasil-hasil perubahan itu.

8. Masalah-masalah sosial ini boleh menjalar ke sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pelajaran tinggi dan boleh memberi kesan yang buruk, dan jikalau kita kurang memahami masalah-masalah ini dan anggota-anggota masyarakat seperti ibubapa tidak bersefahaman dan bekerjasama dan suka mengambil tindakan yang melulu kerana kepentingan diri atau satu-satu golongan yang tertentu sahaja dan tidak untuk kepentingan umum, maka timbullah tindakan-tindakan yang melampau seperti murid-murid memulaukan kelas kerana perkara-perkara kecil seperti pertukaran seorang guru atau pun seorang tukang kebun menyuruh murid-murid memungut sampah dan sebagainya.

9. Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa berusaha bagi kepentingan rakyat. Kementerian Pelajaran umpamanya tidak akan membiarkan sesebuah sekolah itu merosot kemajuannya, dan segala usaha dijalankan supaya tiap-tiap buah sekolah dapat mencapai kemajuan pelajaran yang sepatutnya. Masalah-masalah pelajaran adalah kompleks dan besar dan tidak sama dengan masalah-masalah di dalam sebuah kilang membuat barang-barang seperti kasut dan motokar. Kasut dan motokar tidak boleh berfikir dan bertindak sendiri, tetapi murid-murid sekolah boleh berfikir dan bertindak sendiri. Segala usaha kita untuk memberi pelajaran kepada murid-murid tidak mencapai kejayaan secara automatik seperti kilang kilang membuat kasut dan motokar itu.

10. Tetapi setengah daripada kita tidak memahami keadaan ini atau sengaja tidak mahu memahaminya, dan akan mengambil tindakan yang melampau untuk mencapai cita-cita mereka seperti demonstrasi atau memulaukan kelas. Saya tidak fikir ini merupakan satu jalan yang baik kerana ia adalah satu tindakan yang merbahaya dan membuang masa untuk murid-murid belajar dan membuang masa guru-guru mengajar. Jikalau sebenarnya terdapat satu-satu masalah atau problem gunakanlah cara-cara yang tertentu supaya masalah dapat diselesaikan dan murid-murid tidak rugi dan ibubapa tidak bimbang.

Jalan yang baik kepada saya ialah Persatuan Ibubapa-Guru-Guru hendaklah digunakan sepenuhnya sebagai badan perunding. Persatuan ini telah diwajibkan penubuhannya di tiap-tiap buah sekolah. Saya berharap ibubapa dan guru-guru gunakanlah persatuan ini untuk mengadakan perundingan dan dialog dari masa ke semasa. Dengan jalan ini segala penjelasan dan penerangan dapat didengar dan segala masalah dapat dengan lebih mudah diselesaikan tanpa melibatkan masa murid-murid belajar. Maka oleh itu saya meminta semua guru-guru besar dan pengarah-pengarah pelajaran negeri menggerakkan semua persatuan ibubapa-guru-guru supaya menjadi satu badan yang berkesan untuk memajukan pelajaran anak-anak kita di bangku sekolah. Sikap bertindak liar dan tidak mahu menggunakan Persatuan ini tidaklah sesuai dan hendaklah dijauhkan oleh ibubapa sekalian.

11. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagaimana yang diketahui Kerajaan telah membentuk sebuah Jawatankuasa peringkat Menteri untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran negara ini samada dalam perlaksanaannya telah tercapai matlamat-matlamat untuk mengujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih, dan samada telah tercapai matlamat untuk mengadakan tenaga manusia yang sesuai dan mencukupi untuk pembangunan negara. Jawatankuasa ini tidak akan mengkaji Dasar Pelajaran, tetapi akan mengkaji perlaksanaannya sahaja, kerana Dasar Pelajaran sudah tetap dan tidak akan diubah lagi. Hanya cara perlaksanaannya sahaja yang boleh diperbaiki lagi dan diubah-suaikan.

12. Tuan-tuan tentu mempunyai beberapa pandangan tentang pelaksanaan dasar pelajaran kita, dan saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengkaji ini meminta tuan-tuan membuat memorandum masing-masing secara perseoran atau melalui persatuan, dan sampaikan ke Kementerian Pelajaran. Segala pendapat tuan dan puan itu akan diteliti untuk mengadakan satu rancangan pelaksanaan dasar pelajaran yang lebih kemas dan berkesan.

13. Akhir kata saya sungguh berharap tuan-tuan ibubapa di kawasan hendaklah memberi perhatian yang lebih kepada Sekolah Menengah Datuk Abdullah ini. Tuan-tuanlah dan murid-murid sekolah ini sahaja yang dapat membina sekolah ini supaya bertambah maju dari masa ke semasa. Saya sukacita melihat sekolah ini bertambah maju dari tahun ke setahun, dan saya penuh yakin jika tuan-tuan disini memberi perhatian dan sokongan sepenuhnya dan menggunakan Persatuan Ibubapa-Guru-guru untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dari masa ke semasa, sudah tentu sekolah akan menjadi sebuah sekolah yang maju dan menjadi harapan kepada penduduk di kawasan ini.

Sekian, lagi sekali saya mengucapkan terimakasih. Sekarang dengan segala sukacitanya saya meresmikan sekolah ini dengan nama Sekolah Menengah Datuk Abdullah, Astana Raja.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.

14hb. November, 1974.